

NO. SOALAN: 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

SOALAN NO. 74

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan lepasan Program pra-universiti di bawah IPTA (selain UM dan UiTM) yang membuat permohonan ke IPTA, bilangan pelajar golongan tersebut yang ditawar masuk ke IPTA dan bilangan pelajar golongan tersebut yang berjaya ditawar dengan pilihan pertama dari tahun 1990 hingga 2018, dengan pecahan setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia menyelaras pemilihan kemasukan pelajar melalui UPUOnline ke IPTA dan ILKA untuk lepasan SPM dan STPM/ Setaraf dengan menggunakan 90 peratus markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).

Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menyelaras permohonan lepasan pra universiti (selain Universiti Malaya dan Universiti Teknologi MARA) untuk kemasukan ke program peringkat Ijazah Pertama universiti awam kerana proses pemilihan dilaksanakan sepenuhnya oleh UA yang berkenaan dengan kelulusan Senat universiti. RT07/74